

1975

KUALA LUMPUR, 3 SEPT. (BERNAMA)—TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, MALAM INI MENEGASKAN PERLUNYA RAKYAT MENYEMAI NILAI, SIKAP DAN SEMANGAT BARU DI SAMPING USAHA-USAHA DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU.

KATANYA, ASPEK-ASPEK BERMUTU UNTUK PEMBANGUNAN TELAH HAMPIR-HAMPIR DILUPAKAN WALAUPUN TIDAK DIKETEPIKAN SAMA SEKALI.

PERKARA INI MENJADI PENGHALANG USAHA KETIKA KITA BERSIAP SEDIA UNTUK MASUK KE TAHUN LAPAN PULUHAN+, KATANYA SEMASA BERUCAP DI MAJLIS MALAM MUHIBBAH ANTARABANGSA ANJURAN MCA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, WALAUPUN HASIL PEMBANGUNAN EKONOMI AKAN DAPAT DINIKMATI OLEH SEMUA, KEDUDUKAN RAKYAT MALAYSIA TIDAK AKAN BERTAAMBAH BAIK SEKIRANYA MEKA GAGAL MENYEMAIKAN NILAI-NILAI BERMUTU INI YANG MANA AKAN MEMBERI ERTI DAN KEPUASAN TENTANG KEWUJUDAN KITA DAN DAPAT MEMBERI IMBANGAN MORAL UNTUK PERTUMBUHAN DAN MENGEKALKAN APA YANG TELAH DICAPAI SELAMA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA TELAH BERCAKAP TENTANG MASALAH NEGARA TERBIT DARI KEADAAN SEPERTI BERTAMBAHNYA RASA KURANG SENANG KERANA KERJA YANG BERAT, KURANG PERIHATIAN UNTUK BERTUGAS DENGAN CEMERLANG, BALASAN YANG KURANG MEMUASKAN UNTUK PERKHIDMATAN CEMERLANG, RASUAH, KURANGNYA SIKAP PUAS HATI KEPADA TUNAS, CENDERONG KEPADA MENIRU, KURANG PERIHATIAN KEPADA KEBAJIKAN AWAM DAN KEMEROSOTAN SEDIA BERKHIDMAT KEPADA MASYARAKAT. —BERSAMBUNG

003/MD

EE

B639

MAHATHIR - MUHIBBAH 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENYALAHKAN KUNANYA MORAL RAKYAT YANG TELAH MENIMBULKAN MASALAH TERSEBUT.

KATANYA, SEMUA GOLONGAN RAKYAT BERTANGGUNGJAWAB MENGAKUI MASALAH TERSEBUT DAN MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING UNTUK MENGATASINYA.

WALAUPUN KITA SENTIASA BERTUNGKUSLUMUS DARI SATU RANCANGAN KE SATU RANCANGAN NEGARA, KITA TIDAK MAHU MELIHAT JENERASI MALAYSIA MEMBESAR DENGAN HAK DAN TUGAS YANG SALAH ERTINYA KEPADA MEREKA, DENGAN INDIVIDU YANG BERPANDAPAT MASYARAKAT TERHUTANG BUDI KEPADA MEREKA+.

SEBALIKNYA, TEGAS BELIAU, RAKYAT MALAYSIA YANG BARU MESTILAH SENTIASA MENINGATKAN TUGASNYA KEPADA MASYARAKAT, MESTI SENTIASA BERSIAP SEDIA UNTUK MEMBERI APA JUA SUMBANGAN KEPADA MASYARAKAT DAN MESTI MENENTANG MEREKA YANG INGIN MENGANCURKAN MASYARAKAT.

EE

B640

MAHATHIR - MUHIBBAH 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI DASAR EKONOMI BARU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, DASAR ITU AKAN TERUS KEKAL, KERANA IA BUKANLAH SATU DASAR UNTUK FREDAH SESUATU KUMPULAN TERTENTU, TETAPI IA MERUPAKAN DASAR NEGARA INI.

IA JUGA MERUPAKAN DASAR UNTUK MEWUJUDKAN KEADILAN SOSIAL DAN EKONOMI, TAMBAHNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, UNTUK MENGHARGAI DASAR EKONOMI BARU, SESACRANG ITU PERLU MEMPUNYAI NILAI-NILAI MORAL YANG MENCATATI FAEDAH MATERIAL.

DASAR ITU, DASAR ITU PERLU DIUSAHAKAN SUPAYA BERJAYA KERANA UNTUK JANGKA MASA YANG PANJANG IA ADALAH MENGUNTUNGAN, TEGASNYA. —BERSAMBUNG 0010/MD

MAHATHIR - MUHIBBAH & KUALA LUMPUR

46

SEBELUM ITU, MENTERI KERJARAYA DAN KEMUDAHAN, DATUK LEE SAN CHOON, MENINGATKAN SEMUA RAKYAT MALAYSIA JANGAN MEMANDANG RINGAN TERHADAP KEADAAN MUHIBBAH DI KALANGAN RAKYAT BERBAGAI KAUM DI NEGARA.

KATANYA, SEMANGAT MUHIBBAH DIKALANGAN RAKYAT MALAYSIA MESTILAH SENTIASA DIPUPUK DAN DIPERBAIKI UNTUK MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KESELAMATAN HARI ESOK.

DATUK LEE YANG JUGA PRESIDEN MCA DAN PENAUNG MAJLIS MUHIBBAH ITU MENGGESA SEMUA PEMIMPIN, SAMADA PEMIMPIN MASYARAKAT, AGAMA ATAU PERNIAGAAN, SENTIASA BERUSAHA MEMUPUK MUHIBBAH.

BELIAU MENEGASKAN, PARA PEMIMPIN MERUPAKAN ALAT YANG KUAT DAN BERPENGARUH UNTUK MEWUJUDKAN KEAMANAN DAN MUHIBBAH.

BAGAIMANAPUN, BELIAU KESAL KERANA ADA SETENGAH-SETENGAH PEMIMPIN YANG MEMBUAT KENYATAAN-KENYATAAN MENYENTUH PERKARA-PERKARA SENSITIF.

+KENYATAAN-KENYATAAN TERSEBUT MEMANG SUKA DIDENGAR OLEH SEKUMPULAN ORANG, TETAPI KESAN DAN AKIBATNYA KEPADA NEGARA ADALAH BURUK+, TAMBAHNYA. —BERNAMA 0015/MD